

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Dr. Mahathir dicabar buat permohonan maaf terbuka

Um-9/7/2017 Pg. 19

TEMERLOH 8 Julai - Tindakan pusingan U yang dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mempertahankan Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan tindakan terdesak yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan peribadi.

Sehubungan itu Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin mencabar Dr. Mahathir membuat permohonan maaf secara terbuka sekiranya beranggapan bahawa Anwar menjadi mangsa konspirasi politik seperti yang didakwanya.

“Ini amat penting kerana kita

tahu bahawa beliau yang bertanggungjawab menyumbat Anwar masuk ke dalam penjara sebelum ini. Kini beliau sedar bahawa Anwar mampu menyumbatnya ke dalam penjara sekiranya bekas Timbalan Perdana Menteri itu membongkar cerita *forex*. Sekarang Dr. Mahathir kena cium tangan Anwar pula,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengunjungi Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pas Pusat di Kompleks Al-Makmur, Kerdau di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohamed Said; Timbalan

Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man; Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyudin Hasan; Naib Presiden Pas, Idris Ahmad dan Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan.

Mohd. Sharkar berkata, tindakan terbaharu Dr. Mahathir tersebut menunjukkan bekas Perdana Menteri itu sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat meskipun terpaksa mengga-dai maruahnyanya.

Katanya, tindakan itu juga menunjukkan Dr. Mahathir tidak mempunyai cara lain lagi untuk menjatuhkan Perdana Menteri.